



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[THE LETTER BA', JIM AND SIN IN THE WORD بَجَسْ
AND ITS MEANINGS IN THE QURAN]**

**HURUF BA', JIM DAN SIN PADA PERKATAAN بَجَسْ
DAN MAKSUDNYA DI DALAM AL-QURAN**

WAN MOHD AL HAFIZ WAN MUSTAPA¹
MUHAMAD HAMIDANI MUSTAPHA¹
MOHD JISMANI YUSOF¹
KAMARUL SHUKRI MAT TEH¹

¹Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

*Corresponding author: wanalhafiz@gmail.com

Received Date: 20 Oktober 2021 • Accepted Date: 20 Disember 2021

Abstract

In the Qur'an, there are some words that are mentioned only in one place and not in other verses. One of the words is اِنْبَجَسَتْ. This word is derived from the word يَجَس. The general public knows the meaning of the word, but what about the meaning of each letter that is the structure of its construction. Its position which is mentioned only once in the Qur'an also raises question marks and requires detailed study. Thus, this study aims to reveal the meaning of each letter in addition to its pronunciation only once compared to other words. A qualitative approach was chosen and a document analysis design was used to obtain the data. The collected data were analyzed using inductive methods involving its meaning in Arabic, as well as its nature and makhraj from the point of view of Quranic scholars. The results show that each letter has its own meaning that is different from each other. Therefore, this study contributes and contains great implications on strengthening the I'jaz al-Quran in terms of the meaning of the letters.

Keywords: *Meaning of Letters, I'jaz al-Quran, Words of al-Quran*

Abstrak

Di dalam al-Quran, ada beberapa perkataan yang hanya disebut pada satu tempat sahaja dan tiada dalam ayat lain. Salah satu daripada perkataan tersebut ialah اِنْبَجَسَتْ. Perkataan ini berasal daripada kalimah يَجَس. Umum mengetahui maksud perkataan tersebut, tetapi bagaimana pula dengan maksud setiap huruf yang menjadi struktur binaannya. Kedudukannya yang hanya sekali sahaja disebut di dalam al-Quran juga menimbulkan tanda tanya dan memerlukan kajian terperinci. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menyingkap maksud setiap huruf tersebut di samping penyebutannya yang sekali sahaja berbanding perkataan lain. Pendekatan kualitatif telah dipilih dan reka bentuk analisis dokumen digunakan untuk mendapatkan data. Data terkumpul dianalisis

menggunakan metode induktif melibatkan maksudnya dalam Bahasa Arab, juga sifat dan makhrajnya dari sudut ahli al-Quran. Hasil kajian menunjukkan bahawa setiap huruf mempunyai maksud tersendiri yang berbeza antara satu sama lain. Oleh yang demikian, kajian ini memberikan sumbangan dan mengandungi implikasi yang besar pada menguatkan I'jaz al-Quran dari sudut maksud huruf.

Kata kunci: *Maksud Huruf, I'jaz al-Quran, Perkataan al-Quran*

Cite as: Wan Mohd Al Hafiz Wan Mustapa, Muhamad Hamidani Mustapha, Mohd Jismani Yusof & Kamarul Shukri Mat Teh. 2021. [The letter ba', jim and sin in the word بَجَس and its meanings in the Quran] Huruf ba', jim dan sin pada perkataan بَجَس dan maksudnya di dalam al-Quran. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(3): 263-272.

PENGENALAN

Al-Quran merupakan sebuah kitab suci umat Islam yang relevan selama-lamanya. Di dalamnya terkandung himpunan jumlah ayat yang berbeza-beza bilangannya antara setiap Mashaf Uthmani. Walau bagaimanapun, jumlah ayat al-Quran bagi masyarakat Islam Malaysia iaitu berdasarkan kiraan dalam Mashaf Uthmani Kufi ialah sebanyak 6236 ayat. Ini ialah jumlah yang paling tinggi berbanding Mashaf Uthmani lain. Setiap ayat tersebut terbentuk hasil gabungan perkataan-perkataan, dan setiap perkataan dibina dengan huruf. Ada perkataan disebut banyak kali dalam al-Quran, dan ada perkataan yang hanya disebut sekali sahaja. Oleh yang demikian, perkara ini menjadi tujahan kajian untuk diteliti dan disingkap secara lebih mendalam.

METODOLOGI

Kajian ini mengambil pendekatan kualitatif dan menggunakan reka bentuk analisis dokumen untuk mendapatkan data (Idris, 2009). Data terkumpul dianalisis menggunakan metode induktif melibatkan maksudnya dalam Bahasa Arab, juga sifat dan makhrajnya dari sudut ahli al-Quran bagi memperoleh natijah yang tepat. Fokus kajian adalah pada perkataan yang hanya didatangkan pada satu tempat sahaja di dalam al-Quran. Daripada semua perkataan tersebut, kajian ini dilimitkan pada perkataan بَجَس sahaja berdasarkan suatu keistimewaan tersendiri yang tiada pada perkataan lain. Analisis turut disertakan dengan jadual dan rajah bagi memberikan penjelasan yang lebih tuntas terhadap permasalahan kajian.

JUMLAH AYAT DAN HURUF DALAM AL-QURAN


Merujuk kepada bilangan ayat al-Quran, setiap Mashaf Uthmani mempunyai bilangan tersendiri bahkan wujud beberapa perbezaan riwayat jumlah ayat bagi pada sebahagian mashaf yang sama. Di Malaysia, masyarakat Islam menggunakan atau mengikut mashaf cetakan al-Madinah al-Munawwarah berdasarkan riwayat Hafis daripada 'Asim aliran al-Shatibi (Al-Shatibi, 2010). Jumlah ayat dalam mashaf ini dikira berdasarkan salah satu daripada riwayat jumlah ayat dalam Mashaf Uthmani Kufi.

Jadual 1: Susunan Huruf dan Nilainya

Bilangan	Mashaf Uthmani	Riwayat Jumlah Ayat
1	Madani Awwal	6217
		6214
2	Madani Akhir	6214
3	Makki	6210
4	Syami	6227
		6226
		6232
5	Kufi	6236 (masyhur)
		6217
6	Basri	6204

(Sumber: Analisis pengkaji terhadap matan Nazimah al-Zuhr (al-Shatibi, 2007))

Jadual 1 menunjukkan perbezaan riwayat jumlah ayat al-Quran dalam setiap Mashaf Uthmani. Terdapat sejumlah enam buah mashaf yang ditulis pada zaman Saidini Uthman al-'Affan. Daripada mashaf tersebut, mashaf Madani Akhir, Makki dan Basri hanya mempunyai satu riwayat jumlah ayat al-Quran. Syami pula mempunyai perbezaan riwayat jumlah ayat al-Quran yang paling ketara iaitu sebanyak tiga riwayat. Dalam pada itu, Madani Awwal dan Kufi memiliki dua perbezaan riwayat jumlah ayat sahaja. Dari sudut jumlah ayat itu sendiri, semua mashaf bersepakat pada jumlah 6200 ayat dan hanya berbeza pada dua digit di belakang sahaja. Kufi mencatatkan jumlah ayat paling tinggi iaitu sebanyak 6236 ayat dan Basri mencatatkan jumlah ayat paling sedikit iaitu sebanyak 6204 ayat. Jumlah ayat Mashaf Uthmani Kufi tersebut merupakan jumlah yang diguna pakai dan masyhur dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia pada hari ini.




Rajah 1: Cara Bacaan Nabi Muhammad SAW

(Sumber: Analisis Penulis)

Rajah 1 ialah berkenaan cara bacaan baginda SAW dan penentuan bilangan ayat dalam setiap mashaf. Apa yang dimaksudkan dengan jumlah ayat paling banyak dan paling sedikit ini bukan merujuk kepada tergugurnya sebahagian ayat al-Quran. Namun, bilangan ini adalah berdasarkan cara dan jumlah kiraan ayat al-Quran berdasarkan riwayat yang diterima daripada Nabi Muhammad SAW. Untuk pengetahuan, terdapat beberapa cara bacaan Nabi Muhammad SAW dari sudut waqaf (berhenti) dan ibtida' (mula). Ada ayat yang sentiasa dibaca berhenti, ada juga sentiasa disambung bacaannya. Bagi dua cara tersebut, semua mashaf bersepakat pada mengira sebagai satu ayat mana-mana tempat yang baginda SAW waqaf Seterusnya pada tempat yang sentiasa disambung bacaan tersebut pula tidak dikira sebagai satu ayat kerana belum sempurna ayatnya.

Walau bagaimanapun, terdapat cara ketiga iaitu ayat yang adakalanya Nabi Muhammad SAW berhenti dan adakalanya baginda SAW sambung. Ayat-ayat yang berada dalam kategori ini menjadi titik perbezaan bilangan ayat antara mashaf. Bagi mashaf yang menerima riwayat bacaan berhenti, maka dikira sebagai satu ayat. Seterusnya bagi mashaf yang tiada riwayat berhenti tetapi menerima riwayat sambung, maka tidak dikira sebagai satu ayat kerana ayat tersebut belum sempurna.

Rajah 2 Contoh Tempat Pengiraan Ayat Antara Mashaf Uthmani Kufi Dengan Mashaf Uthmani Madani



Mashaf Kufi



Mashaf Madani

(Sumber: Analisis Penulis)

Rajah 2 ialah contoh kiraan ayat antara dua mashaf, iaitu Mashaf Uthmani Kufi dan Mashaf Uthmani Madani. Ayat yang dipaparkan ialah petikan daripada surah al-Baqarah. Jika diperhatikan, terdapat perbezaan bilangan antara kedua-dua mashaf tersebut. Mashaf Kufi didapati telah meletakkan penandaan nombor satu selepas perkataan **الْم**, manakala Mashaf Madani tidak berbuat demikian. Hal tersebut menunjukkan bahawa terdapat perbezaan cara bacaan Nabi Muhammad pada ayat ini iaitu adakalanya baginda SAW berhenti dan adakalanya sambung.

Justeru, Mashaf Kufi telah meletakkan nombor satu selepas perkataan **الْم** sebagai tanda bahawa di situ sudah cukup satu ayat bagi mereka. Ini juga menunjukkan bahawa Mashaf Kufi


menerima riwayat bacaan baginda SAW yang berhenti selepas huruf tahajji tersebut. Bagi Mashaf Madani pula, tempat tersebut tidak diletakkan tanda nombor satu memandangkan belum sempurna satu ayat di sisi mereka. Ini juga bermaksud bahawa Mashaf Madani menerima riwayat bacaan baginda SAW yang menyambung antara *الم* dengan *ذلك الكتب*.

Dalam konteks huruf-huruf dan perkataan al-Quran, majoriti ulama telah berpendapat bahawa jumlah keseluruhan perkataan dalam al-Quran adalah 77,934 patah perkataan (al-Suyuti, 2004). Setiap perkataan tersebut terbentuk hasil gabungan huruf-huruf al-Quran, dan semestinya semua huruf di dalam al-Quran ialah huruf bahasa Arab kerana bahasa tersebut merupakan bahasa al-Quran. Firman Allah SWT:

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ٢﴾

Terjemahan: Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai al-Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya (Yusuf 12:2).

Rajah 3: Perkataan Yang Disebut Sekali Sahaja Dalam al-Quran



(Sumber: Analisis Penulis)

Rajah 3 menunjukkan bahawa daripada jumlah 77,934 patah perkataan al-Quran, telah terkumpul sebanyak 391 patah perkataan yang disebut sekali sahaja dalam al-Quran. Hal demikian merangkumi 112 kata kerja dan 279 kata nama. 47 patah perkataan daripada 112 perkataan kata kerja adalah kata kerja lepas, 6 patah perkataan kata kerja perintah, dan baki yang lainnya adalah kata kerja semasa atau sekarang. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan bagi meneliti satu perkataan daripada sejumlah perkataan yang dinyatakan di atas.

PERKATAAN بِجَسَنٍ DALAM AYAT AL-QURAN


﴿وَقَطَّعْنَاهُمْ أَتْنِي عَشْرَةَ أَسْبَاطًا أُمَمًا وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ إِذِ اسْتَسْقَاهُ قَوْمُهُ أَنِ اضْرِبْ بِعَصَاكَ الْحَجَرَ فَانْبَجَسَتْ مِنْهُ أَتْنَا عَشْرَةَ عَيْنًا قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَّشْرَهُمْ وَظَلَّلْنَا عَلَيْهِمُ الْغَمَمَ وَأَنْزَلْنَا عَلَيْهِمُ الْمَنَّٰنَ وَالسَّلْوَىٰ كُلُّوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ﴾

وَمَا ظَلَمُونَا وَلَكِنْ كَانُوا أَنْفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿١٦٠﴾

Terjemahan: Dan kami membahagikan mereka (Bani Israel) menjadi dua belas suku, sebagai golongan-golongan besar, dan Kami wahyukan kepada Nabi Musa, ketika kaumnya meminta air kepadanya: "Pukullah batu itu dengan tongkatmu." Maka terpancarlah daripadanya dua belas mata air. Tiap-tiap golongan (di antara mereka) mengetahui tempat masing-masing. Dan Kami naungi mereka dengan awan, dan Kami turunkan kepada mereka "Mann" dan "Salwa". (Lalu Kami berfirman): "Makanlah dari baik-baik yang kami telah kurniakan kepada kamu". Dan tidaklah mereka menganiaya Kami (dengan kekufuran mereka), tetapi mereka adalah menganiaya diri mereka sendiri (Al-A'raf 7:160).

Perkataan فَانْبَجَسَتْ adalah daripada الْبَجَسِ yang bermaksud pecah atau terbelah atau berlubang sesuatu sama ada bekas atau batu atau tanah yang keluar daripadanya air. Sekiranya tiada air yang keluar, maka itu tidak termasuk dalam kategori makna perkataan ini. Perkataan ini juga merujuk kepada situasi air yang keluar itu adalah daripada tempat yang sempit sahaja. Berbeza dengan maksud perkataan yang hampir sama dengannya iaitu الْانْفِجَارُ, yang merujuk kepada tempat sempit dan juga tempat yang luas. (Al-Raghib, 2002)

Rajah 4: Bilangan Penyebutan Perkataan بَجَسَ dan فَجَرَ Di Dalam al-Quran



(Sumber: Analisis Penulis)

Rajah 4 menunjukkan bahawa Allah s.w.t. telah mengguna pakai kedua-dua perkataan tersebut dalam al-Quran iaitu dalam surah al-Baqarah, surah al-A'raf, surah al-Kahf, dan surah al-Qamar. Perkataan فَجَرَ didapati telah disebut sebanyak tiga kali di dalam al-Quran. Jumlah ini jauh lebih banyak berbanding perkataan بَجَسَ yang hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah al-A'raf. Berikut ialah firman Allah s.w.t. bersama terjemahannya.

﴿وَإِذِ اسْتَسْقَىٰ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ فَقُلْنَا اضْرِبْ بِعَصَاكَ الْحَجَرَ فَانْفَجَرَتْ مِنْهُ اثْنَتَا عَشْرَةَ عَيْنًا قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَّشْرَبَهُمْ كُلُوا وَاشْرَبُوا مِنْ رِزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعْتُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ۚ﴾ ٦٠

Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika Nabi Musa memohon supaya diberi air untuk kaumnya, maka Kami berfirman: “Pukullah batu itu dengan tongkatmu,” (dia pun memukulnya), lalu pecah (terpancutlah) dari batu itu dua belas mata air; (Al-Baqarah 2:60).

﴿وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ إِذِ اسْتَسْقَاهُ قَوْمُهُ أَنِ اضْرِبْ بِعَصَاكَ الْحَجَرَ فَانْبَجَسَتْ مِنْهُ اثْنَتَا عَشْرَةَ عَيْنًا﴾

Terjemahan: Dan Kami wahyukan kepada Nabi Musa, ketika kaumnya meminta air kepadanya: “Pukullah batu itu dengan tongkatmu.” Maka terpancarlah daripadanya dua belas mata air (Al-A‘raf 7:160).

﴿كَلْنَا الْجَنَّتَيْنِ ءَآتَتْ أَكْثَلُهَا وَلَمْ تَظْلِمْ مِنْهُ شَيْئًا وَفَجَّرْنَا خِلْفَهُمَا نَهْرًا﴾ ٣٣

Terjemahan: Kedua-dua kebun itu mengeluarkan hasilnya, dan tiada mengurangi sedikitpun dari hasil itu; dan Kami juga pecahkan (mengalirkan) di antara keduanya sebatang sungai (Al-Kahf 18:33).

﴿وَفَجَّرْنَا الْأَرْضَ عُيُونًا فَالْتَقَى الْمَاءُ عَلَىٰ أَمْرٍ قَدْ قُدِرَ ۚ﴾ ١٢

Terjemahan: Dan Kami jadikan bumi memecahkan (memancarkan) mata air-mata air (di sana sini), lalu bertemulah air (langit dan bumi) itu untuk (melakukan) satu perkara yang telah ditetapkan (Al-Qamar 54:12).

Jelas di sini bahawa penggunaan *بَجَسَ* hanya sekali sahaja berbanding *فَجَرَ* yang digunakan pada banyak tempat. Jika diperhatikan firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah dan al-A‘raf, terdapat sedikit persamaan dari segi ayat. Namun, di sana ada beberapa perbezaan. Antaranya, ayat dalam surah al-A‘raf merujuk kepada penerimaan Allah s.w.t. terhadap doa Bani Israel. Manakala pada surah al-Baqarah ialah penerimaan terhadap doa Nabi Allah Musa a.s. sendiri. Justeru, sangat sesuai penggunaan *بَجَسَ* dalam surah al-A‘raf untuk Bani Israel kerana mengandungi maksud yang sempit dan sedikit, dan penggunaan *فَجَرَ* dalam surah al-Baqarah yang mengandungi maksud luas dan banyak untuk Nabi Musa a.s.

Menurut Nasr Sa‘id (2009), *بَجَسَ* merupakan peringkat pertama sebelum berlakunya *فَجَرَ*, seperti air yang keluar bermula dengan sedikit kemudian bertambah banyak walaupun dalam jangka masa yang singkat. Manakala dari segi waktu penurunan ayat pula, surah al-A‘raf adalah Makkiyah dan surah al-Baqarah adalah Madaniyyah. Maka, amat sesuai penggunaan dua perkataan tersebut pada tempatnya sekarang dan sepadan dengan makna serta urutan penurunan

al-Quran.

MAKSUD HURUF PADA PERKATAAN بَجَسَ

Umum mengetahui bahawa al-Quran telah menyebut sekali sahaja perkataan بَجَسَ dalam bentuk kata kerja madi iaitu اَنْبَجَسَ . Jika diteliti lebih lanjut, perkataan tersebut didatangkan bersama perkataan lain iaitu مِنْ yang bermaksud dari atau daripada (Muhammad, 2004, 2005, 2006, 2009, 2010). Menurut Lisan al-‘Arab (Ibn Manzur, 2003), selain مِنْ , perkataan بَجَسَ juga boleh digabungkan dengan perkataan بِ seperti السَّحَابُ يَنْبَجِسُ بِالْمَطَرِ , yang bermaksud awan itu sedang (terbelah dengan) memancarkan hujan.

Merujuk kembali kepada kisah Nabi Musa a.s., perihal terpancarnya air dari batu itu adalah mukjizat baginda. Justeru, sangat sesuai perkataan اَنْبَجَسَ ini digandingkan dengan perkataan مِنْ guna sebagai penguat kepada keadaan pancaran terbabit seterusnya menepis sangkaan bahawa air yang terpancar itu keluar dari tempat lain. Andai digandingkan dengan perkataan بِ , nescaya akan memberi makna bahawa air itu terpancar bersama dengan batu (Ibn Sina, 1982). Walhal, keadaan sebenarnya ialah air tersebut terpancar daripada batu yang terbelah kesan pukulan Nabi Musa a.s.

Kajian dari sudut susunan huruf telah mengukuhkan lagi urutan peristiwa yang berlaku. Perhatikan, perkataan بَجَسَ ini dimulakan dengan huruf ب yang mengandungi sifat Majhurah (jelas dan nyaring) dan huruf Syadidah (kuat) di samping merupakan huruf Qalqalah (lantunan) (Aiman Ruysdi Suwaid, 2019; Mohd Zaki, 2001). Sifat yang dimiliki oleh huruf ب ini sangat sepadan dengan perbuatan pukulan Nabi Musa a.s. pada batu, iaitu bunyi pukulan hasil pertembungan antara tongkat dan batu. Tidak terlampau nyaring dan tidak terlalu perlahan. Sesuai dengan sifat Qalqalah ب yang lebih lembut berbanding huruf lain dalam kelompoknya (Surur, 2007; Ibn Sinan, 1982).

Kenapa dikatakan bunyi tersebut tidak terlampau nyaring dan tidak terlalu perlahan? Kerana sudah semestinya bunyi pertembungan antara besi dengan batu lebih nyaring berbanding kayu (tongkat Nabi Musa a.s.) dengan batu. Justeru, digunakan huruf ب untuk merujuk kepada tongkat kayu dan bukan tongkat besi. Hal ini jelas mempamerkan sifat huruf ب seperti yang dihuraikan tadi.

Seterusnya ialah huruf ج , iaitu merujuk kepada pergeseran udara kering yang terkumpul dari paru-paru menuju ke tempat keluar pada lidah (Aiman Ruysdi Suwaid, 2019; Mohd Zaki, 2001). Hal ini jelas menunjukkan bahawa keadaan batu yang dipukul itu kering dan tidak mempunyai tanda-tanda mengandungi air. Walhal, batu yang disangka kering itu sebenarnya mengandungi air yang terkumpul di dalamnya berkat mukjizat Nabi Musa a.s.

Kemudian, huruf yang terakhir sekali ialah huruf س . Huruf ini tergolong dalam kelompok huruf Safir (desiran) iaitu huruf yang menghasilkan bunyi berdesir dan kuat akibat ruang laluan udara yang sempit antara dua bibir (Aiman Ruysdi Suwaid, 2019; Mohd Zaki, 2001). Bunyi tersebut amat sesuai dengan bunyi air yang terpancar keluar dari batu, berdesir dengan kuat kerana cuba menembusi lubang tempat keluar yang sempit. Keadaan ini berbeza dengan huruf ر yang merujuk kepada laluan keluar yang lebih luas dan beralun (Ibrahim, t.t). Justeru, susunan huruf س ب ج ini amat sepadan dengan maksud yang dihasilkan. Semua ini tidak lain dan tidak bukan, membuktikan kehebatan i‘jaz bahasa al-Quran dan Maha Hebat Penciptanya.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, perbezaan bilangan ayat al-Quran didasari faktor riwayat yang diterima oleh setiap mashaf. Lain mashaf, lain pula bilangan ayatnya. Selain itu, setiap mashaf juga ditulis berdasarkan salah satu riwayat yang mutawatir sama ada al-Qiraat al-Sab'ah (Al-Shatibi, 2010), al-Qiraat al-'Asyara al-Sughra (Ibrahim, 2000) mahupun al-Qiraat al-'Asyara al-Kubra (Ibn al-Jazari, 1994).

Dari sudut lain, setiap perkataan dan huruf di dalam al-Quran mempunyai keunikan tersendiri yang menguatkan kehebatan al-Quran dari sudut i'jaz huruf. Hal demikian tersingkap antaranya melalui perkataan بِجَسَنَ seperti dalam kajian ini. Justeru, pengguna perkataan ini pada satu tempat sahaja bukan menunjukkan aib terhadap al-Quran malah mempamerkan kehebatan kitab kurniaan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW. Selain itu, jelas di sini kedalaman dan keluasan ilmu al-Quran yang tidak pernah habis untuk dikaji serta diambil pengajaran (Mohd Zain, 2015). Wassalam.

RUJUKAN

Al-Quran Mashaf Uthmani Riwayat Kufi

Al-Quran Mashaf Uthmani Riwayat Madani

Basmeih, A. (2019). *Tafsir Pimpinan al-Rahman. Al-Quran Terjemahan*.

Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf. (1994). *Tayyibah al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah

Ibn Manzur. (2003). *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Hadith

Ibn Sina, al-Hussin bin Abdullah. (1982). *Asbab Huduth al-Huruf*. Damshiq: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah

Ibn Sinan, Abdullah bin Muhammad bin Sa'id. (1982). *Sirr al-Fasahah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

Idris Awang. (2009). *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*. Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd.

Jabal, Muhammad Hasan Hasan. (2004). *Al-Dilalat al-Qur'aniyyah fi Mufradat al-Qur'an li al-Raghib al-Asfahani*. Kaherah: Halaqah Tatbiqiyyah min Mausua'ah.

Jabal, Muhammad Hasan Hasan. (2005). *'Ilm, Fiqh al-Lughah al-'Arabiyyah, Asalatuh wa Masa'iluh ((bihi Bab 'an 'Alaqah Fiqh al-Lughah bi 'Ilm al-Dilalah wa Mabahis al-Dilalah 'ind al-Usuliyyin))*. Kaherah: Maktabat al-Adab.

Jabal, Muhammad Hasan Hasan. (2006). *Al-Mukhtasar fi Aswat al-Lughah al-'Arabiyyah Dirasah Nazariyyah wa Tatbiqiyyah*. Kaherah: Maktabat al-Adab.

Jabal, Muhammad Hasan Hasan. (2009). *Al-Ma'na al-Lughawi Dirasah 'Arabiyyah Mu'assalah Nazariyyah wa Tatbiqan (Nazariyyah al-Ma'na al-'Arabiyyah wa Anwa' al-Ma'ani al-Lughawiyyah) (bihi Fasl 'an Nazariyyat al-Ma'na al-Awrubiyyah wa Munaqashatuha)*. Kaherah: Maktabat al-Adab.

Jabal, Muhammad Hasan Hasan. (2010). *Al-Mu'jam al-Ishtiqaqi al-Mu'assal li Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Maktabat al-Adab.

al-Jurmi, Ibrahim Muhammad. (2000). *Al-Imam al-Shatibi Sayyid al-Qurra'*. Damshiq: Dar al-

Qalam

- al-Maqsud, Nasr Sa'id 'Abd. (2009). *Ghayah al-Arib Fi al-Dilalah Wa al-Asalib*. Tanta: Jami'at al-Azhar
- Mohd Zain bin Mohmood. (2015). *Keunikan Dan Keindahan Bahasa al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd. Zaki Abd. Rahman (2001). Huruf Dalam Bahasa Arab: Nilai Dan Kegunaannya. Tesis Dr, Fal, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 13.
- Naja, Ibrahim Muhammad. (t.t). *al-Tajwid Wa al-Aswat*. Kaherah: Jami'at al-Azhar
- Al-Raghib al-Asfahani. (2002). *Al-Dilalah al-Qur'aniyyah Fi Mufradat al-Qur'an Li al-Raghib*, ed. Safwan 'Adnan Dawudi, cet. ke-3. Damshiq: Dar al-Qalam
- Al-Shatibi, Abu Muhammad al-Qasim bin Firruh bin Khalaf bin Ahmad al-Ru'aini al-Andalusi. (2010). *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*. Madinah: Dar al-Huda
- Al-Shatibi, al-Qasim bin Firruh. (2007). *Nazimah al-Zuhr fi 'Add Ayi al-Suwar*. Kaherah: Maktabah al-Azhar.
- Surur Shihabuddin Hassan. (2007). *Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Hafs 'an 'Asim Melalui Toriq asy-Syatibiyyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Suwayd, Aiman Rushdi. (2019). *Al-Tajwid al-Musawwar*. Damshiq: Maktabah Ibn al-Jazari